

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 19 JULAI 2006, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 18**

---

**MENGANGKAT SUMPAAH**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1132-L1013  
**Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan tidakkah Kementerian bercadang untuk melaksanakan dasar melindungi industri tempatan dengan mengenakan syarat semua stesen televisyen di Malaysia hendaklah menyiarkan program-program tempatan sebanyak 80%.
2. PN-1132-L1120  
**Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi dan program jangka pendek yang akan dijalankan oleh Kerajaan bagi meningkatkan ekuiti kaum India dari 1.2% ke 3% dalam Rancangan Malaysia ke-9.
3. PN-1132-L1247  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
  - (a) apakah kementerian sedar bahawa dengan pelantikan guru ke jawatan Guru Besar, Penolong Kanan, Guru Sukan, Guru Pusat Sumber dan Guru Pemulihan yang diberikan jadual waktu mengajar yang lebih ringan, menyebabkan beban guru biasa akan bertambah; dan
  - (b) pada masa yang sama wujudnya suasana di mana murid tidak mendapat pemerhatian secukupnya dari guru kelas, tidakkah ini juga akan menyebabkan bertambah bilangan murid yang tidak menguasai 3 M iaitu membaca, menulis dan mengira.

4. PN-1132-L1075  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan dasar baru yang telah dikenal pasti dalam RMK-9 untuk meningkatkan Modal Insan dan kualiti hidup masyarakat luar bandar khususnya orang asli, bagi mengeluarkan status keluarga miskin tegar.
5. PN-1132-L963  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap syarikat swasta yang mensyaratkan Bahasa Mandarin untuk permohonan kerja. Apakah pihak Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan kembali Akta Penyelarasan Industri (ICA) untuk mengatasi masalah pengambilan orang Melayu bekerja di sektor swasta milik bukan Bumiputera.
6. PN-1132-L954  
**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah strategi Kementerian di dalam menyusun kemasukan program pengajian kompetitif ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) memandangkan jumlah pelajar yang berkelayakan adalah melebihi daripada tempat yang disediakan walaupun pilihan kedua adalah di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTA) dan sejauh mana strategi sistem pembelajaran di IPTA atau IPTS sekarang boleh menjamin mewujudkan pembangunan tenaga insan yang boleh memenuhi keperluan pasaran.
7. PN-1132-L1209  
**Tuan Hii Tiong Kuoh** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah yang boleh menunjukkan hasil yang diperolehi oleh Kerajaan dari segi kewangan daripada kenaikan cukai minuman keras sebanyak 9 peratus dan rokok 13 peratus selain daripada usaha mendorong rakyat mengamalkan gaya hidup sihat.
8. PN-1132-L825  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan :-
  - (a) sama ada Kementerian akan mengkaji kesan dan implikasi konsert-konsert dari luar negara terhadap pengikisan budaya negara; dan
  - (b) sama ada Kementerian bercadang untuk berkongsi maklumat kajian tersebut bersama Ahli-ahli Parlimen dan pemimpin-pemimpin NGO.

9. PN-1132-L895  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil ke atas pemaju-pemaju swasta yang gagal menyiapkan 11 projek terbengkalai yang bernilai lebih RM200 juta dalam Rancangan Malaysia ke-8.
10. PN-1132-L995  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah sekolah-sekolah wawasan (SK, SJK (T), SJK (C) dalam satu perkarangan dapat mempereratkan silaturahmi di kalangan pelajar daripada ketiga-tiga keturunan.
11. PN-1132-L1229  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk memastikan kakitangan MAS yang menerima tawaran MSS syarikat tersebut berpeluang mendapat pekerjaan lain di dalam rundingan bersama Air Asia dan lain-lain syarikat penerbangan.
12. PN-1132-L1089  
**Datuk Chew Yun Ming** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan masalah graduan yang menganggur kian meruncing di negara kita. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian dalam membudayakan pendidikan ke arah keusahawanan dan bukan untuk pekerjaan semata-mata.
13. PN-1132-L855  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kejadian salah laku dan disiplin di kalangan pelajar yang kian meningkat, apakah usaha dan tindakan Kementerian dalam menangani gejala yang kian menular ini bagi membendung dan melahirkan generasi muda yang lebih berdisiplin dan bertanggungjawab.
14. PN-1132-L1285  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan (selain daripada program-program ibu tunggal) pelan tindakan dan program untuk memperkasakan suri-suri rumah tangga agar bermindakan kelas pertama kerana kumpulan ini turut berperanan penting dalam membentuk sahsiah anak-anak yang bakal menjadi modal insan negara.

15. PN-1132-L1315  
**Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kos perubatan di sektor swasta adalah sangat tinggi untuk rakyat jelata, adakah Kementerian bercadang untuk meminta Kementerian Kewangan membenarkan ahli-ahli KWSP untuk memakai wang itu untuk membeli insurans perubatan individu.
16. PN-1132-L1322  
**Datuk Roslan bin Awang Chik** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sebenarnya pegangan Kerajaan tentang "kongsi raya". Adakah ianya bercanggah dengan akidah seseorang.
17. PN-1132-L1223  
**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan berapakah jumlah telefon awam yang wujud mengikut negeri 5 tahun kebelakangan ini dan berapakah jumlah peratusan yang telah pun mengalami vandalisme. Adakah nombor telefon nama perniagaan yang tertera di papan tanda tempat perniagaan didaftarkan di TM ataupun buku direktori pelanggan memandangkan pada kebiasaannya nama yang didaftarkan adalah nama yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat.
18. PN-1132-L1061  
**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pada tahun ini berapa ramai permohonan telah diterima untuk biasiswa JPA mengikut kaum. Berapa ramai telah berjaya mengikut kaum dan mengikut kursus-kursus. Khasnya kursus-kursus kritikal seperti perubatan, kejuruteraan dan lain-lain bidang sains.
19. PN-1132-L1171  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pada tahap manakah rancangan Kementerian untuk menubuhkan sebuah Universiti Angkatan Tentera.
20. PN-1132-L1032  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelaburan Tabung Haji dalam syarikat-syarikat GLC's dan swasta di negara ini dan nyatakan syarikat manakah yang jumlah pelaburannya paling banyak dibuat oleh Tabung Haji.
21. PN-1132-L1002  
**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan kaedah cap jari dan sistem pemerosesan canggih mampu menghalang kemasukan pelacur asing masuk ke negara ini. Dan apakah tindakan yang dikenakan kepada mereka yang didapati menggunakan lebih daripada 1 pasport.

22. PN-1132-L852  
**Tuan Gooi Hoe Hin** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bahawa sejak dilancarkan sistem E Diesel bagi nelayan, beberapa kes penyelewengan telah dikesan dan ditangkap serta apakah tindakan yang diambil untuk memperketatkan lagi sistem ini supaya penyelewengan seumpama ini dapat dikurangkan ataupun dihapuskan sama sekali.
23. PN-1132-L876  
**Datin Naomi Chong Set Mui** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sehingga bulan Jun 2006 adakah Lembaga Hasil Dalam Negeri sudah memulangkan cukai pendapatan yang terlebih bayar oleh syarikat-syarikat dan individu-individu bagi tahun taksiran 2004 dan 2006 dan sekiranya belum, apakah sebab untuk kelewatan tersebut dan adakah faedah akan dibayar untuk amaun yang dikembalikan.
24. PN-1132-L1279  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan dan menyenaraikan:-
- (b) jumlah pelajar Orang Kurang Upaya (OKU), jumlah sekolah OKU, jumlah tenaga pengajarnya; dan
  - (c) jumlah dan jenis bantuan yang telah disalurkan.
25. PN-1132-L868  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauhmanakah masalah 'mismatch' dalam pembekalan guru di sekolah rendah dan menengah Kerajaan, serta langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut.
26. PN-1132-L1056  
**Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah implikasi terhadap ekonomi negara kita apabila kebanyakan pendatang haram dihantar pulang ke negara asal mereka baru-baru ini yang pasti turut membawa wang simpanan mereka sekali.
27. PN-1132-L1038  
**Dato' Sri Empiang Jabu** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pesakit HIV/AIDS di Sarawak pada tahun 2006 dan berapa banyak telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk kempen-kempen meningkatkan kesedaran terhadap penyakit ini di negeri Sarawak.

28. PN-1132-L1269  
**Tuan Chiu Tiang Chai** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan tentang isu kenaikan tarif elektrik dan adakah kenaikan tersebut tidak membebankan pengguna khususnya golongan yang berpendapatan rendah.
29. PN-1132-L919  
**Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah implikasi undang-undang terhadap Kerajaan Tempatan jika berlaku kes tanah runtuh seperti di Hulu Kelang.
30. PN-1132-L1084  
**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah Kementerian tidak bercadang untuk mengambil tindakan terhadap YAKIN iaitu anak syarikat atau subsidiari Kerajaan Negeri Kelantan yang dengan sewenang-sewenangnya memberi sewa tapak kebun sayur di tanah tinggi Lojing Gua Musang, Kelantan kepada pekebun-pekebun sayur di mana pekebun-pekebun sayur tersebut telah menggunakan jentera-jentera berat untuk penerokaan tanah di Lojing, sedangkan di Cameron Highland ia diharamkan.
31. PN-1132-L1040  
**Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa terdapat banyak lintah darat yang meletak kad perniagaan mereka di merata bandar raya terutamanya semasa musim Piala Dunia ini dan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan ia tidak memberi suatu imej negatif kepada negara kita.
32. PN-1132-L819  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan ada memperuntukkan sejumlah dana khas bagi wanita di setiap Kementerian dan jumlah yang telah disalurkan.
33. PN-1132-L1148  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan senarai pusat-pusat karaoke ternama di Kuala Lumpur yang menggunakan khidmat GRO dan menggunakan bilik-bilik tertutup. Berapa banyak pusat-pusat karaoke di ibu kota yang menjalankan kegiatan melanggar undang-undang pusat hiburan yang jelas telah diserbu dan ditutup tetapi masih beroperasi atas nama yang lain.

34. PN-1132-L1255  
**Tuan Ismail bin Kasim** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan penjelasan berhubung dengan keprihatinan Kerajaan mengambil kira perbincangan dengan pihak penjanakuasa bebas (IPP) berhubung caj kapasiti terlebih dahulu sebelum kenaikan tarif dibuat yang terus meletakkan beban ke atas pengguna.
35. PN-1132-L1274  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan dalam memastikan gerakan untuk menghidupkan semula ajaran Al-Arḡam di negara ini oleh sesetengah pihak tidak berlaku memandangkan pertubuhan tersebut pernah menyebabkan ketidak stabilan politik negara sedikit masa dahulu.
36. PN-1132-L1015  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah bilangan kematian yang diakibatkan oleh perbuatan segelintir kaki buli dan samseng di sekolah-sekolah dan adakah kes-kes ini seolah-olah membuktikan pelajar sekolah semakin hilang hala tuju.
37. PN-1132-L1169  
**Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membina pelabuhan perikanan laut dalam di Tok Bali, Kelantan dalam RMK ke-9.
38. PN-1132-L1048  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar mengikut kaum yang telah diluluskan untuk memasuki IPTA-IPTA dalam pengambilan tahun ini.
39. PN-1132-L1076  
**Dato' Rhina Bhar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji ke atas Akta Pengantaraan (Mediation) di mana Pengantaraan dapat digunakan bagi mengatasi masalah "backlog of cases" di dalam Mahkamah Tinggi Malaya.
40. PN-1132-L926  
**Che Puan Sri Kelana D'raja Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh mana kesedaran golongan pelajar terhadap kepentingan ko-kurikulum sebagai antara syarat kemasukan ke universiti awam.

41. PN-1132-L1215  
**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang patut diambil oleh Kementerian dalam membendung masalah yang tidak diingini yang disebabkan oleh pergolakkan di selatan Thailand.
42. PN-1132-L1187  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah keseluruhan pinjaman yang telah dikeluarkan oleh Bank Pertanian Malaysia menerusi Skim Usahawan Tani Komersil Siswazah (SUTKS) setakat ini dan berapa ramaikah siswazah yang telah memohon dan berapa ramaikah yang telah diluluskan dan ditolak.
43. PN-1132-L1228  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengenai sistem pemantauan serta pengesahan projek-projek perumahan yang dilakukan di lereng-lereng bukit. Kegagalan mengatasi masalah ini, boleh menyebabkan bencana yang tidak diingini seperti meragut nyawa dan kerugian terhadap penduduk di kawasan tersebut. Sehubungan dengan itu, ketelusan dalam sistem pemantauan amat penting bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku.
44. PN-1132-L977  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian ini mempunyai sebarang program untuk menghapuskan masalah setinggan yang lain berleluasa di seluruh negara.
45. PN-1132-L990  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah keseluruhan pelaburan Tabung Haji. Di manakah wang itu dilaburkan dengan menyatakan sekali nama-nama syarikat dan pecahan mengikut peratusan jumlah pelaburan Tabung Haji di syarikat-syarikat berkenaan.
46. PN-1132-L900  
**Ir. Hiang A Li** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan Hospital Temerloh, Pahang telah menghadapi masalah kekurangan kakitangan dan doktor pakar semenjak memulakan operasi. Ini telah menyebabkan kerumitan kepada pesakit-pesakit dan juga orang awam. Apakah tindakan berkesan yang telah diambil oleh pihak Kementerian supaya mengatasi masalah ini.

47. PN-1132-L1127  
**Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah program pembangunan yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan dalam membantu golongan rakyat miskin di kawasan-kawasan luar bandar.
48. PN-1132-L1265  
**Dato' Omar bin Faudzar** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sebenarnya objektif Kerajaan dalam meningkatkan kadar faedah bank dan harga minyak.
49. PN-1132-L1221  
**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan peranan Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) kerana pelantikan mereka hanyalah untuk tempoh satu tahun sahaja. Tidakkah Kementerian bercadang untuk meminda tempoh pelantikan mereka daripada setahun kepada 2 atau 3 tahun.
50. PN-1132-L1108  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan setakat ini terdapat berapa program bantuan yang diperuntukan kepada kumpulan orang asli bagi mereka yang ingin menceburi bidang keusahawan. Sejauh manakah kejayaan program-program ini (sekiranya ada) dan berapa orangkah yang mendapat faedah dari program ini.
51. PN-1132-L911  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat ini berapa banyakkah projek-projek perumahan terbengkalai yang telah dibaik pulih oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).
52. PN-1132-L1153  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan setelah peristiwa Highland Towers tumbang pada tahun 1993 dan episod kejadian-kejadian tanah runtuh yang meragut nyawa di jajaran Kawasan Bukit Antarabangsa (2003, 2004 dan 2006), apakah pihak Kerajaan telah melakukan satu kajian terperinci dan menyeluruh mengenai kestabilan cerun (slope stability) di kawasan ini sama ada selamat atau tidak untuk diduduki.
53. PN-1132-L1105  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah prestasi penguasaan murid-murid terhadap program J-QAF (JAWI, QURAN, ARAB & FARDU AIN) sejak ia diperkenalkan sebagai salah satu subjek pembelajaran di peringkat sekolah rendah di negara ini.

54. PN-1132-L1139  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah wajar tindakan JAWI menukarkan imam ke tempat lain tanpa ada penggantinya. Sebagai contohnya Masjid Pantai Dalam misalnya sudah 6 bulan tidak ada imam bertauliah dan seolah-olah seperti pakai tangkap muat sahaja di mana Masjid ini, jurunikah, imam Kerajaan, imam rakyat, bilal Kerajaan dan bilal rakyat semuanya tiada. Tidakkah ianya menggambarkan kelemahan MAIWP itu sendiri kerana tidak ambil kisah tentang masalah ini dan pegawainya jarang turun padang.
55. PN-1132-L1001  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam melaksanakan industri perbankan Islam 'secara runcit' di Malaysia. Apakah strategi Kerajaan untuk menarik pelanggan dari Timur Tengah yang sekarang ini banyak tertumpu kepada Industri Perbankan Islam di Amerika dan Afrika Selatan.
56. PN-1132-L927  
**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa ramai lagi kakitangan kesihatan iaitu jururawat, pembantu perubatan, pembantu farmasi yang perlu ditambah supaya keperluan itu mencukupi bagi lima tahun yang akan datang. Bagaimanakah Kementerian mengatasi masalah ini.
57. PN-1132-L904  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah Kementerian sedar bahawa jawatankuasa khas yang ditubuhkan bagi memantau masalah kekurangan gula di seluruh negara didapati kurang berkesan, malah peniaga secara sesuka hati membuat catuan kepada pengguna, sedangkan Kerajaan berulang kali menyatakan bekalan gula adalah mencukupi, suasana ini akan mencetuskan keresahan rakyat kepada Kerajaan.
58. PN-1132-L936  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apa langkah-langkah yang dirancangan untuk mengatasi masalah kerja-kerja kertas yang berlebihan hingga membebankan guru-guru.
59. PN-1132-L831  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan pelan tindakan dan perancangan Kementerian untuk memperkasakan sekolah kebangsaan dan langkah-langkah Kementerian untuk menarik ibu bapa dari pelbagai kaum dan etnik memilih sekolah kebangsaan untuk pendidikan anak-anak mereka.

60. PN-1132-L842  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sama ada wajar atau tidak masalah Kongsi Raya diundi secara sms melalui RTM 1 oleh penonton-penonton.
61. PN-1132-L935  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam 10 tahun yang lepas, berapakah jumlah dan bagaimana hasil Kerajaan dari Petronas itu digunakan.
62. PN-1132-L933  
**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah halangan atau cabaran Menteri di atas cadangan Kerajaan untuk memperketatkan syarat kemasukan ke Institusi Perguruan bagi memastikan guru-guru sanggup bertugas di kawasan pedalaman. Apakah syarat-syarat lain yang perlu ada selain daripada syarat akademik.
63. PN-1132-L1128  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah keanggotaan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dari wakil UMNO Wilayah Persekutuan dikurangkan dari 3 kepada 2 orang, sedangkan mereka ini mewakili masyarakat setempat Wilayah Persekutuan. Kenapa pula ramai wakil Jabatan Kerajaan, ahli akademik dan peguam menjadi Ahli Majlis sedangkan peranan mereka untuk membela nasib orang Islam di Wilayah Persekutuan tidak nampak pun. Apakah rasional pelantikan mereka ini.
64. PN-1132-L869  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perpaduan kaum yang berbilang budaya dan agama serta kestabilan politik adalah amat penting untuk membawa Malaysia ke pentas dunia yang maju, lebih-lebih lagi negara sedang melaksanakan RMK-9. Sejak akhir-akhir ini timbul isu-isu yang mungkin menjejaskan usaha Kerajaan (perpaduan kaum) seperti isu Kongsi Raya, Rumah Terbuka, Orang bukan Islam Bersumpah atas Nama Al-Quran, apakah pandangan Kementerian tentang isu-isu yang timbul ini dan apakah tindakan agar isu-isu seumpama ini tidak timbul di masa-masa hadapan.
65. PN-1132-L1164  
**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah tindakan yang perlu diambil oleh Kementerian dalam mengatasi limpahan pelajar di sekolah-sekolah menengah dalam bandar Sungai Petani yang purata sebuah sekolah melebihi 2000 pelajar.

66. PN-1132-L870  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah cara untuk mengatasi masalah laporan bom palsu dan bagaimanakah pelapor bom palsu dikesan serta tindakan yang dikenakan kepada pelapor tersebut.
67. PN-1132-L888  
**Tuan Chiam Yong Tee** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah bantuan yang dapat dibekalkan untuk petani-petani Mukim Changkat Jong, Perak yang mengalami kerugian beberapa musim tanaman padi kerana menggunakan benih padi yang tidak resistant kepada serangan virus.
68. PN-1132-L1294  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes muflis kerana hutang kad kredit dari tahun 2000 hingga 2005, berapakah jumlah hutang yang tertunggak baru diisytiharkan muflis dan berapakah jumlah kakitangan Jabatan Insolvensi sekarang ini dan bilakah ianya akan dijangka dapat diselesaikan.
69. PN-1132-L1176  
**Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah yang diambil Kerajaan bagi menentukan keberkesanan dan kejayaan bekas-bekas tentera dalam mendapatkan peluang perniagaan selepas berkursus di PERHEBAT dan berapa peratuskah bekas-bekas tentera yang berjaya.
70. PN-1132-L1188  
**Tuan Tan Bon You** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan mengapakah Kementerian lambat bertindak dan juga tiada tindakan proaktif untuk menyelesaikan masalah kekurangan bekalan gula di pasaran sehingga menyusahkan orang ramai sedangkan kekurangan itu sudah berlaku lebih kurang tiga minggu dan baru ada tindakan dari Kementerian.
71. PN-1132-L1320  
**Tuan Tay Puay Chuan** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapa pembinaan Lebuhraya Segamat-Muar tidak dimasukkan di dalam RMK-9.
72. PN-1132-L1309  
**Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan RMK-9 telah dilancarkan dan telah diberikan publisiti yang meluas, adakah Jabatan Perdana Menteri mengadakan pelan tindakan yang lengkap atau "full action plan" untuk memastikan semua projek-projek diselaraskan dan dilaksanakan dengan sempurna.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

- |    |                |  |                               |
|----|----------------|--|-------------------------------|
| 1. | (D.R. 10/2006) | Rang Undang-undang Lembaga Lada Malaysia 2006                              | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 2. | (D.R. 28/2005) | Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 2005              | “                             |
| 3. | (D.R. 1/2006)  | Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pindaan) 2006                       | “                             |
| 4. | (D.R. 11/2006) | Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2006                  | “                             |
| 5. | (D.R. 12/2006) | Rang Undang-undang Pelindung 2006  | “                             |
| 6. | (D.R. 17/2006) | Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006                             | “                             |
| 7. | (D.R. 16/2006) | Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan) 2006                          | “                             |
| 8. | (D.R. 19/2006) | Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2006 | “                             |
| 9. | (D.R. 18/2006) | Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2006                     | “                             |

- |                    |  |                               |
|--------------------|--|-------------------------------|
| 10. (D.R. 23/2006) | Rang Undang-undang Kepentingan Antarabangsa Mengenai Kelengkapan Bergerak (Pesawat Udara) 2006 | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 11. (D.R. 15/2004) | Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004  | “                             |
| 12. (D.R. 16/2004) | Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004                                       | “                             |

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

<b><u>TAHUN 2006</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.96	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	31 Mei 2006
ST.29	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Bagi Tahun 2004	19 Julai 2006
ST.95	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	19 Julai 2006
ST.118	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	19 Julai 2006
ST.173	Akta Fi 1951 Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2006	19 Julai 2006
ST.179	Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 (Akta 237) Pindaan Kertas Statut 235 Tahun 1983 (Elaun dan Keistimewaan Ahli Parlimen)	19 Julai 2006
ST.191	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Bagi Tahun 2005	19 Julai 2006
ST.192	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji Bagi Tahun 2005	19 Julai 2006